

LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A

Pilih kata ganti nama diri pertama yang tepat bagi melengkapkan tempat kosong di bawah.

1. “_____ lupa menyiapkan kerja rumah,” kata Ahmad kepada Cikgu Abu.
A. Aku B. Beta C. Saya
2. “Hai Aina. Lama _____ tidak nampak kau,” kata Aisyah.
A. Saya B. Aku C. Hamba
3. _____ hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kelas kita bersama-sama.
A. Beta B. Kita C. Kami
4. “_____ hendak bermain bola jaring cikgu,” kata Amira mewakili rakannya kepada Cikgu Anita.
A. Kami B. Semua C. Saya
5. “_____ tidak ingin rakyat jelata menderita,” titah Sultan Ahmad.
A. Saya B. Patik C. Beta

BAHAGIAN B

Lengkapkan tempat kosong dengan kata ganti nama diri pertama yang tepat.



1. “Amin, jom temankan _____ membeli buku,” kata Aziman.

2. _____ perlu menjaga kebersihan bilik darjah bersama-sama.



3. “Tolong _____ angkatkan kotak ini wahai orang muda,” pinta Tok Dalang kepada Si Lebai.

4. “Maafkan _____ cikgu kerana membuat bising,” mohon Aidil kepada Cikgu Rozana.



5. “_____ ingin semua rakyat Indera ini hidup aman,” titah Sultan Ahmad Shah.